

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 05 MAC 2018

MUKA SURAT: 29



KEADAAN gelangsar gantri yang jatuh dan mengorbankan seorang pekerja di tapak pembinaan Jalan Jinjang, Kuala Lumpur, semalam. - IHSAN BOMBA

## Pekerja projek MRT2 maut gelangsar gantri jatuh

**KUALA LUMPUR 4 Mac** - Seorang pekerja projek Transit Aliran Massa 2 (MRT2) maut apabila gelangsar gantri yang dikendalikan di tapak pembinaan Jalan Jinjang di sini, menggelongsor sebelum jatuh, semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 11.30 malam itu, mangsa, Mohd. Firdaus Abd. Talib, 41, meninggal dunia di tempat kejadian, manakala dua lagi rakan-nya, Zulhelmi Arsyad, 24, dan Asmawi Yahya, 38, terselamat.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamatan Kuala Lumpur, Khirudin Drahman berkata,



MOHD. FIRDAUS

dua, mangsa yang meninggal dunia dilaporkan jatuh dari ketinggian 12 meter manakala dua lagi pekerja yang terselamat masih berada di gelangsar gantri tersebut.

"Anggota kita terpaksa menggunakan jentera Turn Table Ladder (TTL) untuk menurunkan kedua-

dua mangsa yang mana seorang daripadanya cedera di bahagian kaki, manakala seorang lagi tidak mengalami sebarang kecederaan.

"Mangsa terakhir diturunkan kira-kira pukul 1.15 pagi dan operasi menyelamatkan ditamatkan sepenuhnya pada pukul 2 pagi," katanya.

Sementara itu, MMC Gamuda KV-MRT Sdn. Bhd. (MMC Gamuda) dalam satu kenyataan hari ini berkata, pihaknya dan MRT Corporation Sdn. Bhd. kini sedang menjalankan siasatan berhubung punca sebenar insiden terbabit.

"Tapak pembinaan tersebut di bawah Pakej Kerja V203 dan kontraktor pakej kerja (WPC) adalah IJM Construction Sdn. Bhd.

"Penggunaan gelangsar gantri dalam pembinaan tersebut memang mengikut prosedur keselamatan yang ketat dan disahkan selamat, bagaimanapun, bagi mengelak kejadian sama berulang, kami akan pertingkatkan lagi prosedur dan pemeriksaan keselamatan di semua gelangsar gantri yang sedang digunakan di tapak projek," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN